

Cyberjaya jual tapak industri

Usaha jadikan kawasan sebagai lokasi 500 syarikat multinasional global

Oleh A'isyah Sukaimi

bhnews@bharian.com.my

CYBERJAYA: Cyberview Sdn Bhd (Cyberview), pemaju dan tuan tanah bandar raya pintar Cyberjaya, menetapkan 2011 sebagai masa untuk pemantapan pembangunan, peningkatan nilai industri dan mengembangkan kemahiran dan bakat pekerja tempatan selaras dengan misi Model Baru Ekonomi (MBE).

Tahun depan juga menyaksikan pembangunan berterusan di Cyberjaya yang bernilai RM1.48 bilion yang akan dilaksanakan menerusi penjualan tapak industri.

Ia adalah lanjutan daripada kejayaan Cyberjaya menjadikan kawasan berkenaan sebagai lokasi operasi 500 syarikat multinasional global termasuk HP, Dell, Fujitsu, Motorola, AMD, DHL, Nokia, Shell, BMW dan Ericsson sehingga ini.

Pengarah Urusan Cyberview Sdn Bhd, Hafidz Hashim, berkata semua syarikat berkenaan menjadikan premis masing-masing di Cyberjaya sebagai hab serantau dan global masing-masing.

Bercakap pada taklimat media mengenai Cyberjaya di sini, Hafidz berkata, sepanjang 2010, bandar raya pintar itu menjadi lokasi pelaburan dan pembangunan berjumlah RM3.19 bilion yang sebahagian besar disumbangkan oleh projek Shaftbury Capital, Prima Properties Management Sdn Bhd, Kumpulan Emkay, UEM Land, Kumpulan Mah Sing dan Suntrack Development Sdn Bhd.

"Sepanjang 2010, tanah seluas 167.75 ekar (67.1 hektar) bernilai RM331.01 juta dijual yang mana

segmen perumahan memberikan jumlah yang signifikan," katanya.

Beliau berkata, sehingga ini, nilai perniagaan, komersial, pembangunan bercampur, kediaman dan institusi di Cyberjaya mencecah RM2.34 bilion sejak bandar raya itu diwujudkan.

"Bagi 2011, selain berfungsi sebagai tuan tanah dan peneraju pembangunan Cyberjaya, Cyberview juga akan menyahut seruan kerajaan menerusi Bajet 2011 untuk menarik masuk pelaburan asing dan tempatan, membangunkan pekerja mahir, mewujudkan ekonomi kreatif menerusi karya kandungan dan industri multimedia," katanya.

Katanya, Cyberview sudah menyediakan program asas untuk menarik bakat dalam industri teknologi tinggi seperti program Graduate Attachment and Training (GREAT) dan Institut Pembangunan Pekerja Berpengetahuan (KWDI).

"Secara keseluruhannya, visi dan hala tuju Cyberview adalah berpaksikan kepada empat pemacu sebagai pemangkin MBE yang digariskan Majlis Penasihat Ekonomi Kebangsaan iaitu pembangunan bakat, mewujudkan ekosistem pembangunan dan penyelidikan, menyediakan infrastruktur pertumbuhan dan pembangunan institusi," katanya.

Turut hadir pada majlis itu, Yang Dipertua Majlis Perbanda-



LAO (dua dari kiri) memberi penerangan mengenai pembangunan di Cyberjaya kepada Wee, Mohd Sayuti dan Hafidz (kanan).



Cyberview juga akan menyahut seruan kerajaan menerusi Bajet 2011 untuk menarik masuk pelaburan asing dan tempatan, membangunkan pekerja mahir, mewujudkan ekonomi kreatif menerusi karya kandungan dan industri multimedia"

Hafidz Hashim

Pengarah Urusan Cyberview Sdn Bhd

ran Sepang (MPSepang), Mohd Sayuti Bakar, wakil Multimedia Development Corporation (MDEC), Wee Huay Neo dan wakil Setia Haruman Sdn Bhd, C K Lao.

Hafidz berkata, sebanyak 12,000 pemastautin yang menetap di Cyberjaya pada masa kini dan pihaknya menasaskan peningkatan sehingga 35,000 pemastautin pada 2014.

"Kita yakin mencapai sasaran ini memandangkan peluang pekerjaan di sini di samping tiga institusi pengajian tinggi (IPT) yang menjadi tarikan penuntut dalam dan luar negara menyumbang pelajaran di sini.


"Kemajuan di bandar pintar ini boleh dilihat dengan inisiatif membangunkan Cyberjaya-TV.com yang mana menjadi media penghubung komuniti di sini," katanya.

Ia bertujuan menyokong Bajet 2011 iaitu menjadikan pembangunan kreatif sebagai penyumbang kepada ekonomi nasional.

PUSAT SETEMPAT UNTUK
**PERNIAGAAN
ANTARABANGSA**

PAMERAN
UNTUK
IKS

PRODUK UTAMA KLUSTER INTRADE 2010



PEMANDANGAN dari udara pembangunan di Cyberjaya yang bakal memberi manfaat kepada orang ramai khususnya peluang pekerjaan.




LAWATAN PESTA DAGANGAN ASEAN TAHUNAN

INTRADE MALAYSIA 2010

INTERNATIONAL TRADE MALAYSIA
 9 - 11 November 2010 ■ 10.00 pagi – 6.00 petang
 MATRADE Pusat Pameran dan Konvensyen Kuala Lumpur

PERKHIDMATAN PERCUMA BAS PERANTARA

Perkhidmatan dari/ ke
 KLCC | The Mall | Le Meridien & Hilton Hotel
 Solaris | KL Sentral | Jalan Duta Bus Station
 daripada 9 – 11 Nov 9pg – 8mlm (rujuk jadual lengkap di dalam laman web)



Majlis serentak:



Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri



Pihak Berkuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri



Qube Group Malaysia Sdn Bhd



BERSEKUTUAN



OUR TODAY



SASAMENTA

www.intrademalaysia.my